

## BOLA KERANJANG

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Bola Keranjang Antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan oleh FIBA
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan dan undang-undang berkenaan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan oleh AHLI MASUM
  - 1.3.2 Sebarang persoalan tentang teknikal akan dijawab oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM
- 1.4 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.4.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (**MASUM**) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.
  - 1.4.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada **Undang-Undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA)**.
  - 1.4.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM **muktamad**.
- 1.5 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar 12 orang pemain serta dua (2) orang pegawai di dalam Borang Pendaftaran Pemain

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Setiap pasukan mestilah mempunyai dua (2) set baju yang berlainan warna iaitu putih dan warna gelap.
- 2.2 Untuk pertandingan, mana-mana pasukan yang disebutkan nama terdahulu akan memakai warna putih, sementara lawannya memakai warna gelap
- 2.3 Nombor baju hendaklah bermula dari nombor 00 hingga nombor 99 dengan menggunakan huruf biasa. Tinggi nombor hendaklah 2 inci x 4 inci di hadapan dan 4 inci x 8 inci di belakang
- 2.4 Semua pertandingan di dalam kumpulan yang dijalankan secara liga akan diberi mata seperti berikut:-

<b>MENANG</b>	<b>KALAH</b>	<b>WALK-OVER</b>
2 MATA	1 MATA	MATA

- 2.5 Mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Keranjang Antarabangsa (FIBA)
- 2.6 Pusingan kedua akan dijalankan secara KALAH MATI yang terdiri daripada Johan Kumpulan. Sementara Naib Johan kumpulan layak memasuki pusingan kedua sekiranya perlu, yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.
- 2.7 Sebelum perlawanan dimulakan, pasukan-pasukan hendaklah menyerahkan borang-borang senarai pemain yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan bermula.
- 2.8 Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan, kiraan mata diperolehi sama, maka keputusan akan ditentukan mengikut Peraturan FIBA
- 2.9 Permainan mengandungi empat (4) bahagian iaitu sepuluh (10) minit setiap tempoh. Masa rehat ialah dua (2) minit di antara tempoh pertama dan kedua, ketiga dan keempat, juga sebelum setiap tempoh tambahan masa.
- 2.10 Rehat separuh masa ialah sepuluh (10) minit dan tempoh tambahan masa lima (5) minit sehingga satu pasukan diisytiharkan pemenang.

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



## 3. RINGKASAN PENYERTAAN

	LELAKI	WANITA
JUMLAH PEMAIN	12	12
JUMLAH PEGAWAI	2	2